

16 JAN 1996

Anwar-Australia

AUSTRALIA PERLU MENGANGGAP IA SEBAHAGIAN DARIPADA ASIA

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Australia perlu menganggap dirinya sebagai sebahagian daripada Asia dalam hubungannya dengan Malaysia oleh kerana Canberra sedang bergerak ke arah penyatuan dengan rantau ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Beliau berkata, Australia perlu bekerjasama dengan Malaysia sebagai "sahabat, jiran dan sebahagian daripada rantau ini".

Sambil menyatakan hubungan Malaysia-Australia sebagai baik, Anwar berkata penglibatan Australia di Asia adalah petanda jelas yang negara itu bergerak ke arah penyatuan dengan rantau ini.

"Penyertaan Australia ke dalam Asia memang berlaku dan adalah benar ...Sudah pasti tidak boleh menoleh kebelakang lagi," kata beliau kepada pemberita selepas mengadakan majlis jamuan teh bagi Perdana Menteri Australia Paul Keating di Hotel Regent, di sini, hari ini.

Perdana Menteri Australia itu tiba di sini semalam bagi lawatan rasmi tiga hari bertujuan memperkukuhkan hubungan dua hala.

Timbalan Perdana Menteri berkata Keating telah menjelaskan yang Australia memang sebahagian daripada Asia.

Anwar berkata berdasarkan kepada perbincangan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini, beliau menganggap lawatan Keating sebagai berjaya.

Beliau berkata, Dr Mahathir mempunyai pendapat positif akan pertemuan beliau dengan Keating hari ini dengan beberapa isu utama dibincangkan khususnya dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

Ditanya oleh pemberita Australia jika komen Dr Mahathir hari ini mengenai lawatan Keating menunjukkan "masih ada batasan" dalam hubungan dua hala, Anwar berkata "hubungan memang baik".

Beliau berkata penyertaan sektor swasta melalui usahasama di kedua-dua negara telah meningkat dengan banyak sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Anwar berkata kadang kala ada orang yang memilih "satu atau dua kejadian dan memperbesarkannya sebagai masalah besar" dalam hubungan antara kedua-dua negara.

-- Bernama